

10/05/2000

Memilih pemimpin pelapis berwibawa

Kadir Dikoh

PETANG esok, tiga Naib Presiden Umno akan diketahui. Begitu juga, 25 tokoh yang akan menduduki kerusi Majlis Tertinggi (MT).

Sememangnya, agenda pemilihan dalam Perhimpunan Agung Umno ke-54 menjadi tumpuan rakyat di seluruh negara. Ini kerana pemilihan kali ini dianggap begitu penting dan paling bermakna ketika parti terbesar yang usianya sudah mencecah 54 tahun itu sedang mencari-cari pemimpin pelapis berwibawa untuk memacu parti mengharungi alaf baru.

Tiada kedengaran lagi isu nepotisme dan kronisme. Sebaliknya, isu politik wang dibangkitkan yang menjurus kepada usaha membersihkan Umno daripada pemimpin rasuah, meskipun kegiatan itu tidaklah sehebat pemilihan 1993 dan 1996. Arahan supaya segala bentuk kempen dihentikan bagi pemilihan Naib Presiden, membawa mesej bahawa Umno mesti diterajui oleh pemimpin yang bersih sebagai ciri kepemimpinan selain kewibawaannya.

Kebijaksanaan 2,017 perwakilan mewakili 164 bahagian termasuk 41 ahli Majlis Tertinggi (MT) dan 10 wakil masing-masing daripada pergerakan Pemuda dan Wanita, yang memenuhi Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), akan menentukan nasib calon terbabit.

Proses pemilihan akan bermula jam 11 pagi manakala pengiraan undi dimulakan pada jam 3 petang ketika perwakilan membahaskan ucapan dasar Presiden. Namun, pemerhati berkata, ucapan perasmian Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi esok, sedikit sebanyak mempengaruhi aliran pengundian calon MT dan Naib Presiden.

"Perdana Menteri mungkin menyentuh perwatakan dan keperibadian calon sebagai ciri-ciri pemilihan dan dijangka menasihatkan perwakilan supaya menolak calon yang berkempen menggunakan wang. Beliau tidak berkempen untuk mana-mana calon tetapi semua calon termasuk untuk jawatan MT yang memenuhi kriteria luhur itu akan menuai hasilnya. Kemudian, perwakilan sendiri akan membuat penilaian mutakhir," kata seorang pemerhati.

Nescaya, perhimpunan kali ini mungkin yang paling penting, kritikal dan penuh cabaran setelah parti terbesar yang sudah berusia separuh abad itu menghadapi pelbagai cabaran dan berada di ambang peralihan kepemimpinan. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara rasmi akan dilantik sebagai Timbalan Presiden parti setelah diamanahkan menjalankan tugas itu oleh Presiden dua tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri akan duduk di sebelah kanan Dr Mahathir apabila perwakilan menyambung perbahasan usul ucapan Presiden, diikuti dua lagi usul, iaitu agama dan ekonomi. Turut duduk di barisan depan ialah tiga Naib Presiden yang baru selain 25 ahli MT bagi tempoh 2000/2003. Abdullah dan Dr Mahathir menang jawatan masing-masing tanpa bertanding.

Kali ini juga, perhimpunan diadakan selepas pilihan raya umum 1999 yang menyaksikan prestasi Umno agak merosot. Perhimpunan kali ini juga yang pertama selepas negara pulih daripada kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini sejak pertengahan 1997.

Namun, segala peristiwa itu bagaikan ditenggelami dengan pemilihan bagi jawatan Naib Presiden. Sembilan calon beradu nasib termasuk dua penyandangannya, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib. Tujuh yang lain ialah Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Seri Osu Sukam, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Datuk Dr Rais Yatim. Semuanya cuma bertanding satu jawatan dengan menolak pencalonan untuk bertanding jawatan MT. Seramai 63 orang pula menawarkan diri untuk merebut 25 jawatan MT.

Memang sukar untuk meramalkan keupayaan calon yang bertanding kerana masing-masing mempunyai rekod perkhidmatan khususnya bagi calon Naib Presiden. Mungkin hampir tepat jika dikatakan semua calon bertanding sama taraf setelah mereka ditegah berkempen meskipun larangan itu baru dikuatkuasakan 24 April lalu.

Kempen keterlaluan boleh memecahkan perpaduan. Berdasarkan hakikat ini dan pengalaman lalu, maka MT dalam mesyuaratnya Februari lalu, membuat ketetapan supaya dua jawatan tertinggi tidak dipertandingkan. Sebarang perpecahan boleh menjejaskan proses peralihan dan berisiko tinggi yang memungkinkan Umno, hancur. Dalam sejarah Umno, sudah empat kali berlaku peralihan kuasa tetapi semuanya berjalan dengan baik.

"Niat saya ialah untuk menyerahkan kepada pengganti saya sebuah parti yang kukuh dan bersatu padu. Dalam tradisi Umno, pengganti kepada Presiden adalah Timbalan Presiden," kata Dr Mahathir sebelum ini. Sekarang Abdullah adalah orang nombor dua dalam parti dan kerajaan setelah menjalankan tugas Timbalan Presiden sejak dua tahun lalu serta Timbalan Perdana Menteri sejak Januari tahun lalu.

Abdullah adalah Timbalan Presiden keempat kepada Dr Mahathir selepas Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ada yang berpendapat, jawatan Timbalan Presiden adalah untuk membantu Presiden, bukan untuk 'mengganggu' Presiden. "Saya adalah timbalan kepada Dr Mahathir, membantu Presiden. Bagi saya, timbalan adalah timbalan, bukan sebagai alternatif. Oleh itu, sebagai timbalan, saya tidak perlu ganggu Presiden tetapi membantu Presiden," kata Abdullah dalam satu program soal jawab di TV3 yang disiarkan secara langsung pada malam Sabtu lalu.

Ada yang berpendapat bahawa calon Naib Presiden yang memperoleh undi paling banyak kali ini, bakal membantu Abdullah dalam kepemimpinan parti. "Tetapi dalam politik segala kemungkinan boleh berlaku. Tidak semua penyandang jawatan Naib Presiden yang paling kanan bernasib baik. Setakat ini antara yang menyerlah ialah Dr Mahathir dan Abdullah meskipun bukan calon Naib Presiden yang memperoleh undi terbanyak apabila dilantik ke jawatan nombor dua dalam parti dan seterusnya dalam kerajaan," kata seorang pensyarah sains politik di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan. Turut menjadi perhatian ialah calon MT yang mengumpul undi terbanyak kali ini, dan kedudukan itu bagai memberikannya lesen untuk merebut jawatan Naib Presiden dalam pemilihan parti pada 2003.

"Sebab itulah pertandingan kali ini membawa makna paling penting. Sebab itu juga Dr Mahathir mahu pemilihan kali ini paling bersih tanpa dicatitkan oleh gejala tidak sihat bagi memudahkannya menilai kewibawaan seseorang tanpa pengaruh luar seperti wang," kata seorang pemerhati. Semua rempah ratus ini dijangka bakal dikupas oleh perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbahasan meskipun usul dibataskan kepada tiga perkara pokok iaitu perbahasan ucapan dasar Presiden, usul agama dan ekonomi.

Antara perkara yang dijangka disentuh oleh perwakilan ketika membahaskan usul agama ialah berkaitan tindak-tanduk parti pembangkang khususnya Pas dan masalah perpaduan orang Melayu yang dikatakan tergugat kerana perbezaan fahaman politik dalam pilihan raya umum November lalu.

Perbahasan usul ekonomi pula dijangka berkisar kepada soal kerenah bank dalam usaha menangani usahawan Melayu sepanjang negara menghadapi kegawatan ekonomi sejak 1997 kerana ada yang mendakwa bank begitu sukar memberi pinjaman dengan mengenakan pelbagai syarat. Turut dijangka disentuh ialah penggabungan bank tempatan.

Apa yang diharapkan ialah perwakilan dapat memberikan cadangan serta idea bernas, bukan memuji pemimpin secara keterlaluan, dalam usaha mencari jalan penyelesaian terhadap kemelut politik tanah air. Apa yang penting juga ialah perdebatan yang bermutu dengan input perangkaan secara bijak berdasarkan penyelidikan mendalam. Ini juga memudahkan menteri menggulung

perbahasan. Serangan membabi buta atau secara am terhadap pemimpin atau kementerian tertentu, akan menyulitkan jalan penyelesaian.

Perbahasan yang diselitkan dengan pantun atau unsur jenaka memang menghiburkan perwakilan dan pemerhati tetapi segala bentuk sindiran atau kritikan hendaklah membina serta bagi memanfaatkan semua. Semoga Umno terus mara dalam memperjuangkan aspirasi dan agenda rumpun Melayu.

(END)